

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KEDUA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
22 NOVEMBER 2024**

PERKARA : 5(B)(XXVII)77

**SOALAN LISAN OLEH AHLI KAWASAN SUNGAI PUYU
YB PHEE SYN TZE**

77. *Middle Bank* yang kaya dengan rumput laut telah diwartakan untuk pembangunan. Bagaimanapun, Kerajaan Negeri telah mengumumkan akan mengeluarkan pewartaan pembangunan kepada Marine Sanctuary. Bilakah usaha ini akan dikuatkuasakan?
- (a) Adakah Kerajaan Negeri akan teruskan pewartaan tapak ini sebagai *Marine Sanctuary*?
 - (b) Apakah cadangan pembangunan di tapak tersebut?

**YB DATO' SERI SUNDARAJOO A/L SOMU
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

77. Kerajaan Negeri melalui Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN) telah meluluskan cadangan untuk menggazetkan kawasan *Middle Bank* sebagai Santuari Marin bagi Negeri Pulau Pinang di bawah Seksyen 62 (2)(d) Kanun Tanah Negara 1965 (Akta 65) diikuti dengan pengezonan kawasan tersebut sebagai Kawasan Sensitif Alam Sekitar (KSAS) di bawah Rancangan Struktur Negeri Pulau Pinang 2035 (RT MBPP 2035) yang diperuntukkan di bawah Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976 (Akta 172).

Pada Oktober 2024 Kerajaan Negeri telah memutuskan untuk membatalkan cadangan pewartaan kawasan *Middle Bank* sebagai Santuari Marin disebabkan kawasan *Middle Bank* ini didapati berada dalam lingkungan 500 meter dari projek-projek Kerajaan Negeri seperti Projek Tebus Guna Tanah, pelaksanaan Projek Penutupan Selamat Tapak Perlupusan Sampah Jelutong, penyediaan tapak Baharu bagi Pelupusan Sisa Buangan Bahan Binaan dan *Marine Clay*. Maka, cadangan pewartaan kawasan *Middle Bank* ini akan memberi kesan kepada pembangunan projek-projek yang telah dirancang.

Walau bagaimanapun, kerja-kerja penyelidikan oleh pihak CEMACS (USM) tetap diteruskan. Pada kini, pihak CEMACS dengan kerjasama CIMA (Cement Industry of Malaysia Berhad) telah melaksanakan tinjauan bagi melihat kesesuaian struktur konkrit mesra marin (*eco-friendly marine concrete*) yang dihasilkan oleh CIMA untuk dijadikan projek rintis dalam penyemaian semula rumpai laut di kawasan *Middle Bank* atau tukun tiruan.

- (a) Kerajaan Negeri Pulau Pinang akan mempertimbangkan pewartaan semula kawasan *Middle Bank* sebagai Marin Santuari setelah projek-projek berkaitan telah selesai.

- (b) Tiada sebarang cadangan pembangunan di kawasan *Middle Bank* sebagai Santuari Marin kerana pewartaan tersebut adalah bagi tujuan pemuliharaan bagi menjamin kelestarian ekosistem yang terdapat di kawasan tersebut sahaja.